

## Prinsip Transformasi Drama *Dekon Keranamu Azizah* Dalam Kepengarangan Marzuki Ali

*Transformational Principle in Drama Dekon Keranamu Azizah in  
Marzuki Ali's Authorship*

Nur 'Izzati Binti Mohd Zahari  
Nur Afifah Vanitha Abdullah

Program Persuratan Melayu  
Pusat Penyelidikan Bitara Melayu  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

[zati503@gmail.com](mailto:zati503@gmail.com)  
[nurafifah@ukm.edu.my](mailto:nurafifah@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

*Marzuki Ali cenderung menghasilkan karya dengan kaedah menyerap teks dari sumber lain bagi menghasilkan drama beliau. Sehubungan itu, prinsip transformasi yang dipelopori oleh Julia Kristeva dari teori interteks diaplikasi bagi mengenalpasti prinsip transformasi yang dilakukan oleh Marzuki Ali dalam drama *Dekon Keranamu Azizah* (2015). Drama ini seolah-olah membayangkan latar sejarah penglibatan P.Ramlee dalam dunia seni tanahair. Cuma nama watak utama *Dekon Keranamu Azizah* adalah Remy. Secara automatik pembaca terdorong untuk membayangkan P.Ramlee apabila membaca skrip dekon Marzuki Ali ini. Sehubungan itu dengan rekabentuk kajian kualitatif dengan kajian perpustakaan sebagai instrumen utama, penelitian dilaksanakan untuk mengkaji transformasi yang dilakukan oleh pengarang dalam menghasilkan karyanya. Bahan kajian utama adalah buku biografi P.Ramlee: *The Bright Star* dan dokumentari P.Ramlee yang diterbitkan oleh Pesona Picture Sdn. Bhd. Dapatan dalam artikel ini adalah, pengarang telah menyalin secara terus peristiwa dari karya yang dirujuk tetapi perubahan telah dilakukan terhadap penceritaan hipoteks. Pengarang telah menyusun semula kronologi cerita dalam menghasilkan drama dekon *Keranamu Azizah*. Pengarang juga mentransformasikan watak dan perwatakan dalam karyanya supaya pembaca masih dapat membayangkan tokoh yang dimaksudkan oleh pengarang. Pengarang turut mengekalkan latar tempat dengan menyalin semula tahun dan peristiwa-peristiwa penting yang dilalui oleh watak protagonis dramanya. Hal ini membuktikan bahawa pengarang telah melakukan transformasi secara terus dari hipoteksnya.*

**Kata kunci:** Prinsip transformasi, kritikan drama, intertekstual, Marzuki Ali, drama dekon.

### ABSTRACT

*Marzuki Ali often produce his plays based on other literary text. Hence, the transformation principle by Julia Kristeva in the Intertext theory is applied to identify the transformational principles in Marzuki Ali's *Keranamu Azizah* (2015). Marzuki's play strongly indicates similarity with P.Ramlee's background before being part of the Malay entertainment world. The difference lies in Marzuki's protagonist's name, Remy. Readers of *Keranamu Azizah* automatically refer to P.Ramlee when they encounter Remy. Hence, with a qualitative research design, and library research as the main research instrument data was*

*gathered to identify the transformation aspects undertaken by Marzuki Ali in producing Keranamu Azizah. The main research materials were P.Ramlee's biography book: The Bright Star and P.Ramlee documentary produced by Pesona Picture Sdn. Bhd. The findings in this article are that, the author had directly used the events from the original text into his drama by rearranging the events in the original text. The author has also transformed characters in order to direct and indicate to his readers the personality he has created in his play. Author has also maintained the place, time and events as in the original sources. This proves that the author transformed directly from the P.Ramlee's biography: The Bright Star and the P.Ramlee documentary produced by Pesona Picture Sdn Bhd in producing the drama Decon Keranamu Azizah.*

**Keywords:** *Transformational principle, text criticism, intertextual, Marzuki Ali, drama dekon.*

## 1. Pengenalan

Marzuki Ali atau nama sebenarnya ialah Ali@ Azam bin Awang, dilahirkan di Kuala Kemaman, Terengganu pada 20 oktober 1945. Dibesarkan di Kuala Kemaman dengan latar belakang Kampung Nelayan, sedikit sebanyak mempengaruhi kehidupan Marzuki Ali bersama ibu dan dua orang adik-beradiknya. Kegiatan Kebudayaan seperti pertunjukan Wayang Kulit dan Mak Yong seringkali diadakan di Kampung Kuala Kemaman. Muzik dari Wayang Kulit dan Mak Yong mempengaruhi Marzuki Ali sejak kecil. Persembahan ini menjadi lebih meriah dalam sambutan upacara puja pantai atau bersemah yang turut serta dengan acara-acara lain. Hiburan kesenian seperti ini menjadi hiburan masyarakat setempat setelah berpenat lelah dilaut. Ianya menjadi perangsang kepada proses kreativiti Marzuki Ali dalam aktiviti kesenian. Beliau dan rakan-rakannya berusaha bersaing meniru watak-watak yang diminati seperti Seri Rama dalam Wayang Kulit, seorang koboi seperti John Wayne, seorang hero dan penari seperti MGR dan sebagainya. Watak-watak ini ikutan beliau dan rakan-rakan sebaya pada waktu tersebut di pentas yang dibina dari kayu buangan, daun kelapa dan kain selimut sebagai layar atau tirai.

Penglibatan awal Marzuki Ali adalah pada tahun 80an. Beliau merupakan seorang pemuisi dan aktivis teater. Beliau banyak melibatkan diri dalam teater dan menulis puisi. Puisi beliau menampilkan gaya dramatik yang lengkap dengan watak perwatakan, latar masa, tempat, budaya dan aksi laku yang dramatik. Sebahagian puisi-puisi beliau turut ditransformasi menjadi skrip drama atau improvisasi bergerak. (Mohd Sabri Musa, 2017: 105). Kumpulan Dekon *Saya dari Tanjung Penaga* merupakan kumpulan dekon pertama beliau dan drama *Keranamu Azizah* adalah drama karya beliau mempunyai unsur-unsur intertekstual yang sangat kuat. Pengarang memasukkan banyak unsur-unsur teks dari luar bagi membangunkan drama ini. Hal ini menunjukkan Marzuki Ali merupakan seorang pengarang berpegang kepada teks lain untuk menghasilkan karya yang baru. Dari pemberian judul sehingga jalan cerita *Keranamu Azizah* mempunyai unsur intertekstual yang kuat.

Drama *Keranamu Azizah* memperlihatkan banyak teks yang diambil dari teks yang lain bagi membangunkan drama ini. Watak Remy yang dinyatakan oleh pengarang mengingatkan pembaca kepada Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee. Marzuki Ali mengambil cerita penglibatan awal P. Ramlee dalam bidang seni bagi menghasilkan *Keranamu Azizah*. Hasil garapan yang dibuat oleh Marzuki Ali memperlihatkan kepengarangan beliau yang berkait dengan teks dan karya lain. Beliau banyak merujuk teks lain seperti biografi P. Ramlee dalam menghasilkan teks drama *Keranamu Azizah*. *Saya Dari Tanjung Penaga* adalah antologi drama dekon karya Marzuki Ali. Marzuki Ali adalah salah seorang tokoh yang terlibat dalam dekon dan beliau banyak memberi

sumbangan terhadap perkembangan dekon. Beliau juga pernah terlibat dalam lakonan teater dan drama.

Selain itu, tajuk drama dekon ini juga mengingatkan pembaca kepada karya yang dihasilkan oleh Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee. Hal ini kerana, Marzuki mengambil tajuk lagu Azizah yang merupakan lagu yang dimainkan dalam filem *Penarek Becha* (1955). Hanya dengan tajuk drama ini sahaja, pembaca dapat membayangkan watak dalam filem *Penarek Becha* dan lagu *Azizah*. Azizah yang dinyatakan oleh Marzuki Ali adalah kekasih Remy. Tetapi kisah cinta mereka tidak kesampaian kerana perbezaan darjat. Hal ini mengingatkan pembaca kepada filem yang dihasilkan oleh P. Ramlee iaitu *Antara Dua Darjat*. Pengarang memasukkan babak dari filem tersebut sebagai konflik penceritaan. Terdapat juga lagu-lagu yang dimasukkan dalam teks ini seperti *Azizah*, *Nona-nona Zaman Sekarang*, *Gagak di rimba dan Selamat Bahagia Wahai Kekasih*. Kesemua lagu yang digunakan oleh pengarang mempunyai kaitan dengan P. Ramlee. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengungkap pengaruh intertekstual yang terdapat dalam teks *Keranamu Azizah* karya Marzuki Ali.

## 2. Sorotan Kajian

Kajian ini dilakukan ke atas karya Marzuki Ali iaitu drama Dekon *Keranamu Azizah*. Kajian terhadap drama dekon tidak mendapat tempat dalam kalangan pengkaji kerana kajian banyak dijalankan terhadap novel, puisi atau cerpen. Kajian mengenai prinsip transformasi oleh Marzuki Ali dibuat oleh Mohd Sabri Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017) yang bertajuk *Puisi ke Teater: Transformasi karya Marzuki Ali* yang ditulis dalam Jurnal Melayu.

Kepenyairan merupakan satu kesinambungan proses kreatif. Penyair menimba pengalaman sosio budaya dalam lingkungan persekitarannya dengan mengadaptasi peristiwa menjadi bentuk gagasan pemikiran. Dengan erti kata yang lain melalui gabungan pengalaman sosiobudaya, penyair berupaya ‘mencurahkan’ teks sosialnya ke dalam karya. Intertekstualiti memvisualkan secara umum proses kreatif serta evolusi dalam kepenyairan seseorang penyair. Transformasi merupakan salah satu elemen dalam intertekstualiti yang lebih dominan dalam melihat perkembangan pemikiran seseorang penyair. Puisi yang berubah bentuk dan medium ini memperlihatkan gaya kepenyairannya yang sudah tentu menyalurkan satu perkongsiaan pemikiran yang berpanjangan sesuai dengan medium yang dipersembahkan. Marzuki Ali, seorang penyair, pendeklamator dan aktivitis teater dengan stamina kesenimanannya yang panjang, ditumpukan dalam perbincangan ini. Puisi-puisinya yang anjal dan berevolusi merupakan gaya kepenyairannya yang tersendiri. Selain dibaca, dideklamasi, dilagukan dan diangkat ke pentas teater, ia menjadikan karyanya berevolusi dengan nilai tambah yang bersesuaian dengan proses kepenyairannya. Puisi yang dibaca dihayati dengan imaginasi berubah kepada medium visual dan bunyi. Struktur puisi yang lengkap dengan latar masa, tempat, dialog, lagu serta watak dan sebagainya lengkap dengan elemen-elemen yang membolehkannya ditransformasi ke bentuk yang lain dengan sendirinya. Transformasi karya puisi ini akan membuka lebih besar ruanglingkup khalayak masyarakat sesuai dengan genre yang mereka minati bagi berkongsi pengalaman intelektual pengarang menerusi karya-karyanya yang bervariasi. Artikel ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan iaitu mengkaji transformasi dengan membuat perbandingan dengan hipogram yang dirujuk oleh Marzuki Ali.

Hal ini membuktikan bahawa terdapat satu sahaja kajian ilmu tentang kepengarangan Marzuki Ali. Tetapi kajian mengenai drama dekon beliau, masih belum ada kajian yang spesifik. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan sesuatu yang baru dalam bidang ini

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif adalah kaedah yang sering digunakan untuk mengkaji bidang sosial dan kemanusiaan. Penyelidikan kualitatif adalah berteraskan kepada pentafsiran yang menitikberatkan ke atas dunia sosial yang ditafsir, difahami, dialami dan dihasilkan (Shaiful Bahri Md Radzi 2016: XV). Kajian ini bersifat tekstual dengan menganalisis drama dekon *Keranamu Azizah* karya Marzuki Ali. Kajian ini menggunakan teori intertekstualiti kerana drama ini mempunyai pengaruh luar yang sangat kuat. Melalui kajian ini, teori interteks boleh digunakan bagi mengenalpasti unsur-unsur hipogram yang digunakan. Justeru beberapa metodologi kajian dibuat bagi mengenalpasti prinsip intertekstual yang terkandung dalam drama dekon *Keranamu Azizah*.

Kaedah yang digunakan bagi menyiapkan kajian ini ialah kepustakaan. Penelitian yang dibuat telah membuktikan bahawa teori intertekstual yang terkandung dalam drama dekon ini sangat kuat. Kaedah pemerolehan data kajian utama diambil dari drama *Dekon Keranamu Azizah* dan disokong oleh data-data lain yang diperoleh daripada buku-buku yang berkaitan dengan kajian, tesis, artikel jurnal, majalah dan laman sesawang yang berkaitan. Bahan-bahan kajian ini diperoleh dari perpustakaan. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Perpustakaan Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU).

Selain itu, bahan-bahan digital seperti audio juga digunakan bagi mengenalpasti unsur-unsur hipogram yang terdapat dalam teks drama tersebut. Antara bahan audio yang digunakan ialah, filem- filem P. Ramlee iaitu *Antara Dua Darjat* dan *Penarek Becha*. Selain itu, lagu juga digunakan bagi mengetahui asal-usul dan kandungan lirik Azizah dan meneliti kaitannya dengan drama dekon *Keranamu Azizah*. Seterusnya, dokumentari mengenai P. Ramlee yang diterbitkan oleh Pesona Pictures Sdn Bhd dan disiarkan oleh *History Channel*. Dokumentari ini ditonton bagi memperoleh riwayat hidup P. Ramlee yang dikaitkan dengan drama dekon ini. Kesemua bahan-bahan audio ini diperoleh dari laman sesawang *Youtube*.


Transformasi ialah perubahan yang dilakukan dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Prinsip transformasi yang digunakan ialah pemindahan, penjelmaan, dan penukaran secara formal atau abstrak. Formal bermaksud pemindahan sepenuhnya atau hampir sepenuhnya sebuah teks ke teks yang lain. Transformasi secara abstrak pula dapat dikesan apabila sesuatu idea atau wacana berbentuk aforisme, misalnya meresap daripada sebuah teks kepada teks yang lain. Proses ini menyebabkan wujudnya transformasi sesuatu teks kepada teks yang lain dengan keadaan yang berbeza dari asalnya. Transformasi dibuat bagi melahirkan karya atau hasil penulisan yang berbeza dari karya asal. Oleh sebab itu, kelainan perlu dibuat bagi mengelakkan karya yang dibuat sama dengan karya yang asal. Hal ini demikian kerana dalam dunia sastera, proses transformasi merupakan satu proses kreatif bagi menghasilkan sesuatu karya yang lebih baik dan perkara yang dibaca itu lebih menarik. Jadi, analisis transformasi dibuat bagi melihat perbandingan antara teks. Hal ini adalah untuk melihat bagaimana pengarang merujuk karya yang lain sebagai rujukan utama. Prinsip transformasi digunakan untuk menganalisis teks dari segi alur, watak perwatakan dan latar.

### 4. Dapatan Dan Perbincangan

Artikel ini meneliti transformasi yang dilakukan pengarang. Jika diteliti pengarang banyak merujuk hipoteks dalam menghasilkan drama ini. Maka perbandingan dilakukan bagi meneliti transformasi yang dilakukan oleh beliau. Unsur-unsur yang dibandingkan ialah

alur, watak dan latar. Perbandingan dilakukan bagi melihat sejauhmana Marzuki Ali merujuk hipoteks dalam menghasilkan karya yang baru.


Transformasi yang pertama ialah transformasi plot. Transformasi plot ini memperlihatkan transformasi yang dibuat pada jalan penceritaan. Drama dekon *Keranamu Azizah* memiliki banyak persamaan pada plot dan peristiwa dengan hipoteks Biografi *P.Ramlee: The Bright Star* oleh James Harding dan Ahmad Sarji dan Dokumentari *P.Ramlee: The Rise and Fall of True Legend* terbitan Persona Pictures. Kedua-duanya menyampaikan cerita yang sama iaitu permulaan hidup seorang tokoh menjadi anak seni. Kebanyakan peristiwa yang diambil dari hipoteks yang ditransformasi sepenuhnya tanpa membuat apa-apa perubahan. Teks drama *Keranamu Azizah* mempunyai sembilan babak kesemuanya dan dimulakan dengan monolog melalui watak Mamat. Biografi P. Ramlee menceritakan secara kronologi riwayat hidup beliau manakala drama *Keranamu Azizah* tidak mengikut kronologi seperti hipoteks yang dirujuk. Hal ini dibuktikan dalam rajah berikut:



RAJAH 1. Susunan peristiwa dalam *Biography P.Ramlee: The Bright Star*

**Sumber:** Biography P.Ramlee: The Bright Star 2000

Rajah 1 menunjukkan kronologi kisah hidup P.Ramlee sejak kecil sehingga beliau remaja. Susunan peristiwa dalam *Biography P.Ramlee: The Bright Star* oleh James Harding dan Ahmad Sarji mengikut kronologi cerita hidup P.Ramlee. Cerita biografi ini dimulakan dengan asal usul ibu dan ayah P.Ramlee. Selepas itu, baru diceritakan dimana Ramlee dilahirkan dan bagaimana zaman persekolahannya. Pengarang menghasilkan drama *Keranamu Azizah* tidak mengikut kronologi sebaliknya menukar jalan cerita mengikut kesesuaian cerita yang dikarang oleh beliau.



RAJAH 2. Susunan peristiwa dalam drama *Keranamu Azizah*

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah* 2002

Rajah 2 pula menunjukkan agihan babak atau peristiwa yang terdapat dalam hipoteks yang dirujuk. Pengarang mentransformasikan permulaan jalan penceritaan dengan meletakkan setiap babak berlainan dengan hipoteks yang dirujuk. *Keranamu Azizah* bermula dengan peristiwa Remy membuat persembahan di Bukit Mertajam. Pengarang menyampaikan penceritaan tersebut melalui watak Mamat dengan teknik monolog. Selain itu, pengarang mentransformasikan secara formal dengan menyalin semula peristiwa ini dalam menghasilkan hipoteks yang baru. Peristiwa ini disalin secara terus dari hipoteks tanpa mengubah dari peristiwa yang asal. Pengarang telah melakukan pemindahan sepenuhnya peristiwa ini dari teks yang asal kepada teks yang baru. Hal ini dapat dilihat dalam jadual 1.

JADUAL 1. Transformasi dari *biografi P. Ramlee* ke *Keranamu Azizah*

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star.	Keranamu Azizah
Bermain muzik bersama pancaragamnya	<p>“ In 1948, with a friend named Mohd Yusuf, Ramlee formed a music band called Pancharagam Mustika”</p> <p>(2002:14)</p> <p>“One Evening on 1<sup>st</sup> June 1948, he was invited to sing in an agricultural show at Bukit Mertajam”</p> <p>(2002:14)</p>	<p>“Mamat... Pihak penguasa Kota pada bulan mei sehingga bulan jun pada tahun 1948 telah mengadakan Pertunjukkan Tanaman Melayu... Pada malam satu jun 1948, di sebuah pentas sedang rancaknya diadakan persembahan pancaragam yang terkenal di sebelah utara lebih-lebih lagi di Pulau Pinang iaitu Pancaragam Mustika milik Restoran Mustika tersohor di Butterworth...”</p>

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah* 2015 dan *Biography P.Ramlee: The Bright Star* 2002

Seterusnya, terdapat juga nyanyian dan dialog yang ditujukan kepada penonton. P.Ramlee telah menyanyikan lagu Azizah pada pertunjukkan tersebut. Pengarang mentransformasikan babak ini dengan watak Mamat yang menyanyikan lagu ini. Lagu Azizah ciptaan P.Ramlee sendiri dan ia ditransformasikan kepada watak Remy. Lagu tersebut diambil dari lagu yang digubah oleh P.Ramlee sendiri. Pengarang mengambil lagu beliau untuk disesuaikan dengan peristiwa yang berlaku dalam drama *Keranamu Azizah*. Lagu Azizah ditransformasikan oleh pengarang dengan memasukkan peristiwa Remy menyanyikan lagu ini di Bukit Mertajam

Selain itu, pengarang juga mentransformasikan babak ini dengan mengajukan pertanyaan kepada penonton supaya menunjukkan interaksi bersama penonton. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan berikut:

“MAMAT: ... Ingat lagu Azizah ? Lagu ini entah mengapa cukup memikat hati sesiapa saja yang mendengarnya di tahun-tahun selepas perang dunia kedua ini di sekitar Pulau Pinang, wilayah utara Malaya.”

(Marzuki Ali, 2015:6)

Pada babak pertama ini, pengarang telah membuat pemindahan secara formal. Permulaan drama ini masih menceritakan mengenai sikap Remy. Pengarang memperkenalkan watak utama terlebih dahulu dengan mengambil jalan hidup P.Ramlee sebagai hipoteks. Hal ini menunjukkan pengarang mengambil peristiwa dari kehidupan tokoh tersebut dalam menghasilkan *Keranamu Azizah*. Tetapi pengarang telah mentransformasikan susunan jalan penceritaan dari sumber yang dirujuk.

JADUAL 2. Transformasi biografi P.Ramlee ke *Keranamu Azizah*

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star	Keranamu Azizah
Latar Belakang	<p>“In 1945, he stated with a band called Teruna Sekampung.”                      (2002: 12)</p> <p>“ In 1946, while still at school, he won first prize in keroncong singing competition for the whole Penang Island... In the same year, he again entered a competition for vocalist and this time won second place.”                      (2002: 13)</p> <p>“In 1947, another competition organised by Radio Malaya, he came out top and was judged champion Singer of northern Malaya.”                      (2002: 14)</p>	<p>“ MAMAT: ... Dia pernah memenangi peraduan menyanyi di Wilayah Utara, Malya pada tahun 1945 da mendapat tempat ketiga. Kemudian pada tahun 1946 pula dia mendaat tempat kedua. Pad tahun 1947, dia telah meraih pula Bintang penyanyi utara Malaya yang diadakan di City Light Hall, Pulau Pinang. Ketika itu dia membawakan lagu Begawan Solo!.. Remy penyanyi lagu Azizah yang mula terkenal itu sudah pandai memakai nama singkatan                      (2015:8)</p>
Remy ditawarkan oleh B.S Rajhans ntuk menjadi penyanyi di Singapura.	<p>“Among the audience was B.S Rajhans, a prominent figure in the fledging Malay film business. Always on the alert for new talent of every sort, he lingered in the crowd to hear Ramlee sing ‘Azizah’.”                      (2002:14)</p> <p>“... Rajhans argued persuasively.</p>	<p>“B.S Rajhans: Saya B.S Rajhans dari Malay Filem Production di Singapura. Saya sedang mencari calon calon penyanyi untuk menyanyi dalam filem saya... mudahnya sebagai penyanyi dalam filem saya. Saya juga mencari pelakon untuk filem-filem Melayu di Singapura.”</p>

	<p><i>He pointed out that opportunities for music-making in the film studios would be even greater than those Ramlee enjoyed at the moment”.</i></p> <p>(2002:14)</p>	<p>(2015:9)</p>
--	---	-----------------

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah 2015* dan *Biography P.Ramlee:The Bright Star 2002*

Jadual 2 menunjukkan kejayaan P.Ramlee dalam pembabitan awalnya dalam bidang muzik. Pengarang mengambil hipoteks ini untuk menunjukkan bahawa Remy seorang yang berbakat. Transformasi ini dibuat bagi menyatakan Remy seorang yang handal dalam bermain alat muzik. Selama dua tahun berturut-turut P.Ramlee menang pertandingan yang disertai oleh beliau. Pengarang mengikut semula hipoteks yang dirujuk bagi adakan kesinambungan dengan babak yang seterusnya iaitu babak B.S Rajhans.

Babak yang seterusnya adalah watak B.S Rajhans yang tertarik dengan Remy. Pengarang memindahkan secara keseluruhan cerita bagaimana B.S Rajhans bertemu dengan Remy. Seterusnya, pengarang juga tidak mengubah peranan B.S Rajhans dalam drama *Keranamu Azizah*. Peranannya adalah orang yang bertanggungjawab sebagai pencari bakat. B.S Rajhans berjaya memujuk Remy untuk datang ke Singapura. Hal ini juga ada dinyatakan dalam hiperteks. Dia menyatakan peluang yang Ramlee dan Sukardi akan dapat sekiranya menerima tawaran ini. Pengarang mentransformasi sepenuhnya sebab ini dan terjemahkan dalam dialog untuk memancing Remy dan Sumadi ke Singapura.

Babak kedua pula menceritakan kumpulan muzik yang pernah dianggotai oleh Remy. Pengarang mentransformasikan cerita ini dengan menjadikannya satu peristiwa dimana Sumadi berasa berbelah bahagi untuk meninggalkan kampung dan kumpulan muziknya. Melalui transformasi yang dibuat, pembaca dapat tahu sumber yang dirujuk oleh pengarang dan kumpulan muzik yang pernah dianggotai oleh P.Ramlee. Hal ini dapat dibuktikan dalam jadual 3.

JADUAL 3. Transformasi biografi P.Ramlee ke *Keranamu Azizah*

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star	Keranamu Azizah
Latar Belakang Remy dan Kumpulan Pancaragamnya.	<p><i>“In 1945, he started with a band called Teruna Sekampung.”</i>                      (2002:12)</p> <p><i>“... A nine-piece band. The Orkes Mutiara, began to accompany him on Radio Malaya, reinforced by accordion, clarinet and double-bass....”</i>                      (2002:13)</p> <p><i>“ In 1938, with a friend named Mohd Yusof, Ramlee formed a music band called Pancharagam Mustika.”</i>                      (2002: 14)</p>	<p>“ SUMADI:... mampukah aku tinggalkan Pancaragam Mustika yang telah banyak aku berutang budi ini dan menjadi sebahagian hidupku di Pulau Pinang ini... Kami dua Serangkai.. sama-sama ikut bermain dengan Pancaragam Mutiara...”                      (2015:12)</p>



Zaman Persekolahan	<p>“<i>In any case, he hardly gave himself time to, for he attend the school on average for ten days at most of the course of a month</i>”</p> <p>“<i>His scholastic career, if it can be called that, began at the Sekolah Melayu Kampung Jawa and limped by the of the Sekolah Francis Light to standard seven...</i>”</p> <p>(2002:5)</p>	<p>“ MAMAT: Remy, kamu nak tahu... dulu-dulunya adalah murid yang malas ke sekolah. Suka pontang sekolah! Dia bukan suka sangat belajar. Sungguh dia termasuk anak nakal yang suka bergaduh kerana apa ya, kerana nak menang satu-satu perkara.. Remy mula masuk Sekolah Melayu Jawa kemudian ke Sekoalh Francis Light sampai darjah lima...”</p>
--------------------	--	---

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah* 2015 dan *Biography P.Ramlee:The Bright Star* 2002

Jadual 3 menunjukkan persamaan diantara hipoteks dan hiperteks yang dihasilkan. Hal ini menunjukkan pengarang mengambil hampir keseluruhan jalan cerita untuk menghasilkan drama *dekon Keranamu Azizah*. Transformasi dari biografi P.Ramlee menunjukkan bahawa pengarang menceritakan kumpulan muzik yang pernah dianggotai oleh P.Ramlee dan ditransformasikan dalam watak Remy. Cara penyampaiannya berbeza kerana pengarang menjadikan watak Sumadi sebagai pengantara dalam menyampaikan maklumat ini. Hal ini demikian kerana P.Ramlee dan Sukardi adalah pemain muzik bagi kumpulan muzik tersebut. Pengarang juga tidak mengubah nama kumpulan muzik yang pernah dianggotai oleh P.Ramlee dan telah memindahkan idea tersebut dalam drama *Keranamu Azizah*.

Dalam Babak Ketiga pula diceritakan zaman persekolahan Remy. Pengarang memindahkan maklumat tersebut secara keseluruhan kerana terdapat banyak persamaan dengan cerita asal. Drama tersebut menyatakan bahawa Remy seorang yang malas ke sekolah dan sangat nakal. Perkara ini kuat dinyatakan kerana, dalam biografi P. Ramlee terbitan *History Channel* ada menyatakan bahawa P.Ramlee adalah seorang yang nakal dan pernah bergaduh sehingga cedera di muka. Hal ini diceritakan oleh Sukardi sendiri iaitu sahabat P.Ramlee. Selain itu, pengarang juga mentransformasikan peristiwa dengan mengambil lagu *Nona zaman sekarang*.

Dalam babak keenam pula watak ibu dan ayah Remy iaitu Nyak Putera dan Salmah dipekenalkan. Dalam hipoteks Biografi P.Ramlee diceritakan pada permulaan cerita tetapi dalam drama ini pengarang memasukkan pada babak enam mengikut kronologi bagaimana drama ini disusun oleh pengarang. Babak ini menceritakan bagaimana Remy meminta izin untuk berhijrah ke Singapura. Ibunya berasa berat untuk melepaskannya pergi tetapi ayahnya iaitu Nyak Putera mengizinkan. Sebelum Remy berangkat ke Singapura, Nyak Putera sempat meninggalkan pesan kepada P. Ramlee. Pengarang mentransformasi latar hidup kedua ibu dan ayah P.Ramlee dan disampaikan dalam bentuk pesanan. Watak Nyak Putera adalah watak yang bertanggungjawab dalam menyampaikan dialog tersebut. Selain itu, pengarang mengambil latar belakang sebagai salah satu jalan cerita untuk mengingatkan Remy asal-usulnya setelah berhijrah. Setelah meminta restu dari kedua ibu bapanya, pada hari raya aidilfitri Sumadi dan Remy bertolak ke Singapura. Hal ini dapat dibuktikan dalam jadual 4.

JADUAL 4. Transformasi biografi P.Ramlee ke *Keranamu Azizah*

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star	Keranamu Azizah
Lagu-lagu yang dimainkan oleh P.Ramlee sewaktu beliau belajar bermain alat muzik.	<p><i>“At the age of thirteen, largely self-taught he was able to play the ukulele and could accompany himself on the bass line in “Donkey Serenade”, “ Its in the air”, “Nona-nona Zaman Sekarang”.</i></p> <p>(2002:8)</p>	<p>“MAMAT: senang dengan lagu Nona Zaman Sekarang yang saya nyanyikan tadi ? Lagu itu selalu dinyanyikan oleh Remy dengan ukulelanya waktu zaman mula-mula dia belajar dan kenal muzik. Waktu dia berumur kira-kira 13 tahun...”</p> <p>(2005:16)</p>
	<p><i>“ Teuku Nyak Puteh Bin Teuku Karim was decended from aristocratic family of Oleebalang in East Aceh. He was popularly known as Puteh Deat, meaning special, extraordinary brilliant, valiant. When he still quite young he quarrelled with his parents over some family matters, and, hot with annoyance, decide to leave home. Where should he go to get away from them? Penang was obvious answer.”</i></p> <p>(2002:1)</p> <p><i>“ In 1925 he married Che Mah binti Hussein (1904-1967) at Kubang Buaya, Butterworth. She was a widow and brought with her a son by her previous marriage called Sheikh Ali.”</i></p>	<p>“ NYAK PUTERA:... tetapi sebelum kamu berangkat. Ingat nasihat ayah. Kita orang miskin dan tidak punya harta... Kita dulu punya harta. Ibumu dulu bersuamikan orang kaya tetapi dia lebih tenteram dengan menolak segala kekayaan itu. Dan dia memilih hidup sederhana seperti yang ada sekarang. Begitu juga ayah dulu juga orang berharta. Tetapi telah ayah tinggalkan segala harta untuk mencari ketenangan...” dan ayah memilih kehidupan seperti hari ini. Harta tidak boleh menjamin kebahagiaan...”</p>
	<p><i>“ A few weeks later. On 9<sup>th</sup> August 1948, the first day of Hari Raya together with his friends Sukardi, Ramlee packed his modest luggage and set off by train for Singapore.”</i></p> <p>(2002:14)</p>	<p>“Di kejauhan terdengar laungan takbir Hari Raya Puasa bergema memecah keheningan pagi Syawal”</p> <p>(2015:36)</p>

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah 2015* dan *Biography P.Ramlee:The Bright Star 2002*

Pengarang mentransformasi sepenuhnya perihal Nyak Puteh dalam menghasilkan drama ini tetapi pengarang membuat perubahan pada watak Salmah. Salmah dalam *Keranamu Azizah* dinyatakan seorang yang kaya sebelum bercerai dengan suaminya yang pertama. Hal ini sangat bertentangan dengan hipoteks yang dirujuk yang hanya menyatakan bahawa Salmah adalah janda yang mempunyai seorang anak. Sama sekali tidak dinyatakan Salmah orang berharta semasa perkahwinannya yang pertama. Hal ini jelas menunjukkan pengarang mentransformasi sebahagian dari watak Che Mah ke dalam watak Salmah. Selain itu, pengarang mentransformasi sepenuhnya peristiwa P.Ramlee dan Sukardi ke Singapura bagi menghasilkan teks drama *Keranamu Azizah*.

Selain itu, pengarang juga mengambil peristiwa P.Ramlee dan Sukardi tinggal di sebuah bilik kecil di Singapura. Sebelum Remy dan Sumadi pergi “screen test” mereka tinggal didalam sebuah bilik kecil. Hal ini diceritakan oleh Sukardi sendiri di dalam dokumentari P.ramlee terbitan Persona Picture yang ditayangkan di History Channel. Pengarang mentransformasikan peristiwa ini untuk menunjukkan kesukaran Remy dan Sumadi ketika berada di Singapura. Hal ini menunjukkan kesungguhan dan kegigihan mereka dalam perjalanan untuk menjadi anak seni. Hal ini dibuktikan dalam petikan berikut:

“MAMAT:... Nasib kami baik! Kami diberi sebuah bilik sempit. Tak apalah janji ada tempat tinggal.”

(Marzuki Ali, 2015: 38)

Seterusnya adalah babak kelapan yang menceritakan pengalaman Sumadi dan Remy di Singapura. Tetapi Sumadi tidak lama di Singapura kerana dia tidak suka dengan orang di Singapura yang tidak ramah dan bersifat tidak mesra. Pengarang telah mentransformasikan babak ini dengan mengubah jalan ceritanya. Dalam hipoteks yang dirujuk oleh pengarang menyatakan Sukardi tidak lama di Singapura kerana dia gagal ‘screen test’. Oleh sebab itu dia kembali pulang ke Pulau Pinang dan meninggalkan P.Ramlee seorang diri di Singapura untuk meneruskan impiannya.

Dalam babak kelapan, pengarang menceritakan kerja yang dilakukan oleh Remy. Pengarang mentransformasikan melalui watak Azizah yang menerima sepucuk surat dari Remy. Remy menceritakan pekerjaan yang dilakukan dan beliau telah menerima tawaran untuk berlakon. Remy memulakan kariernya dengan berlakon filem cinta sebagai pelakon tambahan. Pengarang mengambil peristiwa ini terus dari hiperteks dan mengubah sedikit jalan penceritaan untuk jadikan satu cerita yang baru. Hal ini terdapat sedikit perbezaan dengan hiperteks yang dirujuk iaitu babak Remy belajar bagaimana menghasilkan filem. Hal ini dapat dibuktikan dalam jadual 5.

JADUAL 5. Transformasi biografi P.Ramlee ke *Keranamu Azizah*

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star	Keranamu Azizah
Kerja yang dilakukan oleh P.Ramlee setelah diterima kerja di Malay Film Productions.	<p>“ ... He learned how camera angles and close-ups were used to heighten drama or strengthen a narrative. While other people involved in the day’s work might leave te set as soon activity ceased, Ramlee stayed on, watching and silently absorbing everything he could about his strange but enthralling surroundings.”                      (2002:20)</p> <p>“His duties at MFP included writing some of the songs, singing them and leading Orkestra Kembang Murni. Up to then he composed with no other guide than his own whim. Now , however he had to conform to his directors requirement...”                      (2002:21)</p>	<p>“Azizah.. Sejak aku bekerja di Malay Filem Production di Singapura, aku banyak belajar tentang apa saja. Apa saja kerja yang diberikan mereka aku buat. Azizah, tahu kerja-kerja buat filem? Tentunya banyak pengalaman baru yang aku belajar. Aku jadi penyanyi latar, aku jadi tukang tepuk, aku jadi tukang sorong tarik kamera..”                      (2015:39)</p>

Hipoteks yang ditunjukkan di atas lebih berat kerjanya. P. Ramlee bukan sahaja menjadi budak suruhan tetapi beliau adalah individu yang bertanggungjawab dalam

menghasilkan lagu. Hal ini tidak diceritakan dalam hiperteks. Pengarang hanya mengambil sedikit sahaja peristiwa ini. Beliau mentransformasi dengan mengubah dan membuang sebahagian perkara yang penting dalam drama *Keranamu Azizah*. Peristiwa dalam *Keranamu Azizah* lebih ringan tugasnya sementara tugas sebenar P. Ramlee lebih berat dari apa yang dinyatakan oleh pengarang. Selain itu, dalam babak ini juga ada dinyatakan bahawa Remy sudah menjadi bintang filem. Remy akan menjadi pelakon tambahan dalam filem *Chinta*. Pelakon utama filem *Chinta* ini adalah Siput Sarawak dan Roomai Noor. Remy memegang watak jahat dalam filem ini. Antara hiperteks bagi drama *Keranamu Azizah* ialah biografi P.Ramlee. Buku yang dirujuk ialah *P.Ramlee: The Bright Star* dan dokumentari *P.Ramlee: The Rise and Fall of a True Legend*.

JADUAL 6. Transformasi biografi P.Ramlee ke *Keranamu Azizah*

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star	Keranamu Azizah
Filem pertama yang dilakonan oleh beliau.	<p>“ Besides being the playback singer for Roomai Noor, Ramlee was given a small part to play. Not yet wearing the moustache that was to become his trademark, in his scene opposite Siput Sarawak he projected a competent image youthful sincerity.”</p> <p>“... Ramlee was straightaway cast as a musician in another filem called Noor Asmara...It was again directed by Rajhans who note, with approval, the progress his discovery was making- so much so, indeed, that almost immediately he included Ramlee in the next film, Nasib....”</p> <p>(2002:24)</p> <p>“...In Nilam(1949) Rajhans cast him as the one of juvenile leads...”</p> <p>(2002:25)</p>	<p>“AZIZAH.. tahukah kau yang aku sekarang sudah berlakon dlam filem pertama bertajuk Chinta. Kau tahu watak utama dalam film Chinta? Ya, Seniman Roomai Noor dan Seniwati Siput Sarawak sebagai Primadonanya. Aku disuruh berlakon jahat dalam filem Chinta, filem Nasib dan Filem Nilam. Dalam film Noor Asmara aku dan D. Harris pula ya, jadi pelawak!...”</p> <p>(2015:39)</p>

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah 2015* dan *Biography P.Ramlee:The Bright Star 2002*

P. Ramlee mula berlakon dalam filem *Chinta* arahan B.S Rajhans. Kemudiannya beliau berlakon dalam filem *Noor Asmara*, *Nasib* dan *Nilam*. Dalam drama *Keranamu Azizah*, pengarang mengambil sebahagian dari hiperteks tetapi mengubah sedikit jalan penceritaannya. Dalam hipoteks, pengarang menyatakan Remy akan berlakon sebagai pelawak bersama D. Harris dalam filem *Noor Asmara* Tetapi berdasarkan hiperteks yang dirujuk. P.Ramlee berlakon sebagai ahli muzik dalam filem ini. Hal ini menunjukkan pengarang mengubah sedikit dari jalan cerita yang yang sebenar bagi menghasilkan karya yang baru.

Transformasi watak pula melibatkan watak yang dinyatakan dalam drama ini. Watak utama dalam sesebuah karya adalah individu yang akan menentukan perkembangan sebuah cerita. Watak utama dapat dikenalpasti melalui kekerapan watak ini muncul. Watak utama dalam drama ini adalah Remy yang ditransformasikan dari watak P.Ramlee Terdapat lima watak yang ditransformasi oleh pengarang iaitu Remy, B.S Rajhans, Sumadi,Nyak

Putera dan Salmah. Transformasi dibuat pada nama watak atau pewatakan drama ini. Tetapi pengarang banyak mentransformasikan perwatakan watak bagi menghasilkan *Keranamu Azizah*. Pengarang mengubah nama watak supaya tidak terlalu jelas dalam menghasilkan karya yang baru.

Menurut Seniwati Mariani dalam biografi P.Ramlee yang disiarkan dalam *History Channel*, panggilan Remy adalah gelaran antara P.Ramlee dan Mariani. Hal ini menunjukkan, Pengarang membuat transformasi dengan menggunakan gelaran yang digunakan oleh P.Ramlee sendiri. Watak Remy sangat banyak disebutkan dalam drama ini. Dari awal pembacaan lagi, pembaca dapat membayangkan watak P.Ramlee dalam watak Remy. P.Ramlee dijemakan sebagai Remy dalam drama *Keranamu Azizah*. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan dalam jadual 7.

JADUAL 7. Transformasi watak P. Ramlee kepada watak Remy

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star	Keranamu Azizah
Sifat fizikal P.Ramlee.	<p>“ Ramlee did not have noticeable looks. He was thin, scrawny even, and his face was dotted with teenage pimples. But there was something about him, certainly a velvet charm to his voice and a confident musicianship, that attracted the film director”.</p> <p>(2002:5)</p>	<p>“ MAMAT:.. Dalam ramai-ramai murid bapak Azizah ada seorang murid yang kurus, berjambul tinggi berjerawat tetapi sungguh rajin belajar muzik...”</p> <p>(2015:22)</p> <p>“MAMAT:.. Bagaimana sedap suara itu, tentunya tidak semerdu suara yang disampaikan oleh penyanyi sebenar pada malam 1 Jun di Bukit Mertajam itu...”</p> <p>(2015:7)</p>

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah 2015* dan *Biography P.Ramlee:The Bright Star 2002*

Pengarang transformasikan sifat fizikal Remy secara terus dengan mengambil watak sebenar P.Ramlee. Pembaca boleh membayangkan watak Remy sebagai P.Ramlee melalui cara pengarang mentransformasi watak. Walaupun nama watak diubah tetapi, pengarang tidak mengubah langsung ciri-ciri fizikalnya.

Selain persamaan sifat dan nama tokoh pada watak utama, watak pembantu yang lain juga mengalami proses transformasi ini. Kebanyakan watak yang diambil menggunakan fizikal yang sama tetapi terdapat juga watak yang ditransformasikan namanya. Sebagai contohnya watak B.S Rajhans. Peranan watak ini penting bagi menggerakkan drama ini. Hal ini demikian kerana B.S Rajhans merupakan orang yang bertanggungjawab membawa masuk P.Ramlee dalam bidang seni. Pengarang mentransformasi secara terus dari hipoteks yang dirujuk dan tiada perbezaan yang dipaparkan dalam hiperteks yang dihasilkan. Peranan B.S Rajhans dalam drama *Keranamu Azizah* sama dengan biografi P.Ramlee.

Selain itu, nama Sukardi juga diubah menjadi Sumadi. Pengarang mengubah nama beliau supaya tidak terlalu menonjol menunjukkan cerita mengenai P.Ramle dan Sukardi dalam teks yang baru. Hal ini menunjukkan pengarang hanya transformasikan sepenuhnya watak dan fizikal dari karya yang asal. Nama watak ditukarkan sepenuhnya. Tetapi pangkal nama atau huruf depan masih menggunakan huruf yang sama supaya tidak jauh dari nama yang asal.

Seterusnya, pengarang juga transformasikan watak ibu dan ayah P.Ramlee. Watak mereka dijelmakan sebagai Nyak Putera dan Salmah. Peranan mereka masih dikekalkan oleh pengarang tetapi nama mereka telah ditransformasikan. Nyak Putera diambil dari nama Nyak Puteh atau nama sebenarnya ialah Teuku Nyak Puteh bin Teuku Karin. Manakala watak Salmah pula adalah jelmaan dari watak ibu P.Ramlee iaitu Che Mah Binti Hussein. Nama-nama yang ditransformasi ini mempunyai peranan yang besar dalam mengerakkan cerita *Keranamu Azizah*. Hal ini demikian kerana, individu ini berperanan besar dalam hidup P.Ramlee sendiri.

JADUAL 8. Nama watak yang ditukarkan dari watak yang asal

<b>Biography P. Ramlee: The Bright Star</b>	<b>Keranamu Azizah</b>
P. Ramlee	P. Remy
Sukardi	Sumadi
B.S Rajhans	B.S Rajhans
Nyak Puteh	Nyak Putera
Che Mah	Salmah

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah 2015* dan *Biography P.Ramlee:The Bright Star 2002*

Transformasi latar boleh dilihat melalui latar tempat dan waktu. Melalui latar tempat kita dapat tahu melalui latar masa yang dikemukakan dalam drama tersebut. Selain itu, transformasi latar juga boleh mengenalpasti latar yang menjadi rujukan pengarang dalam menghasilkan drama ini. Pengarang menyatakan hal ini dalam babak satu dimana ia berlatarbelakangkan sekitar awal 20an. Pengarang mentransformasikan latar ini bagi mewujudkan suasana yang sebenar seperti hiperteks yang dirujuk Pulau Pinang sememangnya tempat P.Ramlee dilahirkan dan dibesarkan. Hal ini dibuktikan pada petikan berikut:

“ Berlatarbelakangkan keadaan Pulau Pinang dan sekitarnya pada awal tahun 20-an. Berlaku sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua sewaktu penjajahan Jepun dan selepas kekalahan tentera Jepun di Tanah Melayu dan zaman pihak Inggeris menjajah semula Tanah Melayu. Cara penampilan, cara berpakaian, peralatan yang digunakan adalah bersesuaian pada zaman itu.”

(Marzuki Ali, 2015:5)

Selain itu, pembaca boleh tahu bahawa ia adalah zaman selepas perang Jepun. Jepun menyerang Malaya pada tahu Disember 1941 dan Ramlee belajar di sekolah Jepun. Hal ini demikian kerana P.Ramlee hidup pada zaman itu dan cara pengarang mentransformasikan semua latar tidak jauh dari hiperteks yang sebenar. Perkara ini boleh dibuktikan dalam petikan berikut:

“... Although still not a model schoolboy, he submitted with grace to the new regime at school, saluted the Japanese flag at sunrise as he and his fellow pupils were ordered to do, and learned speak Japanese language easily and idiomatically...”

(James Harding, Ahmad Sarji, 2002:8)

Hal ini jelas menunjukkan pengarang transformasikan latar yang sama dengan hiperteks. Jepun menjajah Malaya selama empat tahun dan P. Ramlee aktif masuk pertandingan sekitar tahun 1945 hingga 1948. Peristiwa di Bukit Mertajam itu berlaku pada tahun 1948 dan B.S Rajhans menawarkan peluang menjadi artis di Singapura.

Selain itu, drama ini juga menunjukkan masih terpengaruh dengan Jepun. Pengarang memasukkan elemen ini untuk menyatakan bahawa latar masa dalam drama *Keranamu Azizah* masih terpengaruh dengan zaman Jepun. Hal ini dapat dilihat pada babak

dua. Babak ini menunjukkan Sumadi berlatih berlakon. Beliau melakonkan sebagai Jeneral Jepun. Hal ini dapat dibuktikan pada petikan berikut:

“SUMADI: Bagero! Apa ini kerja tarak boleh bikin ke? Omai bodoh! Bodoh macam itu lembu tengah itu padang! Omai panjat pokok kelapa muda, Wataci mau minum air Kelapa muda punya air aaa! Wataci haus! Pegi panjat! Apa! Tidak pandai? Bagero! Kalau tidak angkat itu kelapa muda mari, Wataci potong itu kepala omai! Potong kepala sama ini pedang samurai tahu!

(Marzuki Ali, 2015:13)

Biografi P. Ramlee menunjukkan latar yang sama iaitu latar di Pulau Pinang dan Singapura. Pulau Pinang adalah Kota dimana tempat P. Ramlee membesar manakala Singapura pula adalah tempat P.Ramlee mula masuk ke bidang seni. Pengarang transformasikan latar tempat ini seperti hipoteks. Latar tempat yang diambil oleh pengarang adalah berdasarkan kisah nyata Hal ini dapat dibuktikan dalam jadual 9.

JADUAL 9. Latar tempat yang ditransformasi dari biografi P.Ramlee ke Keranamu Azizah

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star	Keranamu Azizah
Tempat P.Ramlee membuat persembahan	“ <i>He was invited to sing in an agricultural show at Bukit Mertajam</i> ”  (2002:14)	“MAMAT: Segala-galanya bermula daripada peristiwa di Padang Bukit Mertajam Recreation Club...”  (2015:5)
Sekolah rendah P.Ramlee	“ <i>... began at the Sekolah Melayu Kampung Jawa and limped by way of the Sekolah Francis Light...</i> ”  (2002: 5)	“MAMAT:...Remy mula masuk Sekolah Melayu Kampung Jawa kemudian ke Sekolah Francis Light sampai darjah lima...”  (2015:17)

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah 2015* dan *Biography P.Ramlee:The Bright Star 2002*

Jadual 9 menunjukkan persamaan latar tempat yang digunakan pengarang dalam menghasilkan drama Keranamu Azizah. Pengarang mengambil latar ini untuk memberitahu asal-usul dan tempat dimana bakat P.Ramlee terserlah pada B.S Rajhans. Selain itu, pengarang juga mentransformasikan dengan jelmakan tempat dimana Remy dan Sumadi mengambil tiket keretapi ke Singapura. Tempat yang dijelmakan oleh pengarang ialah New World Park. Menurut akhbar *The Star*, New World Park atau lebih dikenali sebagai Sin Sei Kai adalah Pusat Hiburan yang terkenal pada tahun 1930-1960. New World Park yang dinyatakan dalam drama ini adalah tempat Remy dan Sumadi mengambil tiket untuk ke Singapura. Sekarang New World Park adalah medan selera yang terkenal bagi kaum Cina. Tempat tersebut telah diubahsuai dan dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada tahun 2008 New World Park terletak di Jalan Burma, Georgetown Pulau Pinang. Petikan berikut dipetik dari Drama Keranamu Azizah yang menunjukkan New World Park adalah pusat Hiburan yang terkenal yang dijelmakan oleh pengarang.

“ B.S RAJHANS: Ya, begini, kalau kamu semua setuju, besok boleh datang ke New World Park, Pulau Pinang, pergi jumpa manager untuk ambil itu tiket kereta api ke Singapura dan sedikit wang saku untuk belanja”

(Marzuki Ali, 2015:10)

Seterusnya, pengarang juga mengemukakan latar tempat di Singapura. Singapura adalah tempat bermulanya perjalanan karier P.Ramlee dan terletaknya sebuah produksi filem yang

terkenal iaitu Malay Filem Production.. Latar tempat di Singapura ini sangat penting dalam drama ini. Hal ini demikian kerana, pengarang perlu menceritakan tempat yang dituju oleh Remy sebelum menjadi bintang filem.

JADUAL 10. Latar tempat yang ditransformasi dari biografi P.Ramlee ke Keranamu Azizah.

Perkara	Biography P.Ramlee: The Bright Star	Keranamu Azizah
P.Ramlee ditawarkan menyanyi di Malay Filem Productions.	“After the performance he went up to Ramlee and invited him to join the Malay Film Production Ltd in Singapore” (2002:14)	“SUMADI:...aku ditawarkan ke Singapura oleh Pengarah filem, Malay film Production- Shaw Brothers...” (2015:12)
P.Ramlee ujibakat di studio Jalan Ampas	“ Soon after his arrival at Jalan Ampas he was taken to Studio No.8 and underwent the daunting ritual of a screen test...” (2002:20)	“MAMAT:... Beberapa hari kemudian kami menghadiri ‘screentest’ di Studio Jalan Ampas...” (2015:38)

Sumber: Drama *Dekon Keranamu Azizah 2015* dan *Biography P.Ramlee: The Bright Star 2002*

Jadual 10 menunjukkan latar tempat diambil dari hipoteks. Dari perbandingan diatas dapat dilihat bahawa Pengarang mengambil latar tempat yang sama dari Biografi P.Ramlee. Transformasi yang dibuat jelas menunjukkan pengarang mengambil secara keseluruhan maklumat dari biografi tersebut untuk menghasilkan karya baru. Selain itu, pengarang juga masukkan latar sosial masyarakat pada zaman itu. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan dibawah:

“MAMAT: ... Dan Sumadi tidak betah tinggal lama di Jalan Ampas kerana manusia disini tidak ramah dan tidak bersifat mesra. Dia bosan dan aku tidak bias menahannya. Dia ambil keputusan untuk kembali semula ke Pulau Pinang.”

(Marzuki Ali, 2015: 38)

## 5. Rumusan

Dalam drama *Keranamu Azizah* karya Marzuki Ali, menunjukkan pengarang telah melakukan penyalinan secara terus dari hipoteks yang dirujuk. Hipoteks yang dirujuk adalah *Biography P.Ramlee: The Bright Star* oleh James Harding dan Ahmad Sarji meliputi transformasi alur, watak dan latar. Melalui transformasi alur, pengarang telah menyalin secara terus dari hipoteks menerusi peristiwa yang berlaku tetapi pengarang tidak mengikut alur seperti hipoteks yang dirujuk. Pengarang telah menyusun semula kronologi cerita tersebut dalam menghasilkan karya yang baru. Selain itu, pengarang juga memasukkan dialog dengan penonton bagi menghidupkan cerita tersebut.

Bagi transformasi watak pula, perubahan nama watak disesuaikan mengikut nama sebenar mereka supaya tidak jauh dari watak yang asal. Pemberian nama watak seperti ini tidak akan mengelirukan pembaca. Malah mereka masih boleh tahu siapa tokoh yang dimaksudkan oleh pengarang. Latar tempat pula, pengarang banyak transformasikan dengan menyalin semula nama tempat yang terdapat dalam biografi P.Ramlee. Pengarang juga mentransformasikan latar masa dan latar sosial yang menunjukkan zaman selepas perang Jepun.

Justeru, bentuk-bentuk transformasi ini membuktikan bahawa pengarang mengambil perjalanan hidup seorang tokoh iaitu P.Ramlee sebagai hiperteks. Persamaan dapat



ditemukan dalam alur penceritaan, watak dan latar yang kebanyakannya disalin semula oleh pengarang. Hal ini menunjukkan drama Keranamu Azizah mempunyai hubungan intertekstual melalui persamaan tersebut.

### **Rujukan**

- Ahmad Sarji, James Harding. (2002). *P. Ramlee: The Bright Star*. Kelana Jaya: Pelanduk Publications
- Marzuki Ali. (2015). *Saya dari Tanjung Penaga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sabri Muda, Mas Rynna Wati Ahmad. (2017). *Puisi ke Teater: Transformasi karya Marzuki Ali*. Jurnal Melayu 16 (1): 101-114.
- Saiful Bahri Md Radzi. (2016). *Penyelidikan Kualitatif*. Kuala Lumpur: Dolphin Press International Sdn Bhd.
- Suhaimi Baba (producer & pengarah). (2015). *P.Ramlee: The Rise and The Fall of a True Legend* (Documentary). Kuala Lumpur: Persona Pictures Sdn Bhd.